

24 AUG 1996

MENEM SERTAI AGONG MAIN GOLF

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Presiden Carlos Menem dari Argentina yang sedang melawat Malaysia selama lima hari, dijadual bermain golf bersama Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Kelab Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Acara beliau hari ini tidaklah sesibuk semalam apabila beliau mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sebelah pagi dan kemudian mengetuai delegasi negaranya ke menyertai pula perbincangan dengan pihak Malaysia sebelum ke Bangi untuk menerima Sarjana Kehormat Doktor Undang-undang dan menghadiri jamuan malam bersama Perdana Menteri.

Menem yang tiba Khamis lepas, dijadual berlepas ke Jakarta pada Isnin.

-- BERNAMA

MAM MAI